

22 SEP 2002

Mahathir-Surat

DR MAHATHIR TULIS SURAT KEPADA BUSH MENGENAI KEPUNGAN TERHADAP ARAFAT

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

COPENHAGEN, 22 Sept (Bernama) -- Dalam tindak balas segera Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap permintaan bantuan oleh Presiden Palestin Yasser Arafat yang sedang dikepung, beliau telah menulis surat kepada Presiden Amerika Syarikat George Bush, Canselor Jerman Gerhard Schroeder dan Presiden Perancis bagi menerangkan mengenai pendudukan Israel ke atas ibu pejabat Arafat.

Arafat telah menelefon Dr Mahathir pada Jumaat lepas dari tempat beliau dikepung di Tebing Barat, meminta bantuan sebelum Perdana Menteri berlepas ke London dari Kuala Lumpur untuk ke Copenhagen bagi menghadiri mesyuarat Asia-Eropah Keempat (ASEM) pada Isnin.

Menjawab soalan para wartawan Malaysia pada mesyuarat persediaan ASEM di sini pada Ahad, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Dr Mahathir begitu prihatin dengan apa yang berlaku di Tebing Barat.

Perdana Menteri tiba beberapa jam lebih awal bagi menghadiri mesyuarat pemimpin Asia, sebagai persediaan bagi sidang kemuncak rasmi dengan rakan Eropah mereka yang bermula Isnin di Pusat Bella.

Dr Mahathir telah berkata di London pada Sabtu bahawa beliau bimbang dengan keselamatan Arafat dan sekiranya terjadi apa-apa sama ada Arafat dibunuh, beliau akan dianggap sebagai pejuang syahid dan ini hanya akan menambah keganasan.

Dr Mahathir telah berkata beliau akan menulis surat kepada pemimpin negara barat meminta mereka agar campur tangan bagi menyelesaikan soal kepungan di ibu pejabat Arafat oleh tentera Israel yang telah memusnahkan separuh bangunan pentadbiran itu.

Namun Syed Hamid tidak menerangkan apa sebenar kandungan surat yang ditulis oleh Dr Mahathir kepada tiga pemimpin itu, tetapi berkata tindakan terbaru Israel itu tidak akan membantu proses damai.

Dr Mahathir juga berpendapat bahawa cara untuk menyelesaikan konflik Palestin kini ialah dengan pengunduran Israel melalui proses politik, katanya.

"Anda tidak boleh meminta satu proses (politik) di beri keutamaan bagi kepentingan yang lain (keselamatan), mereka perlu dilihat secara bersama.

"Orang tidak akan melakukan ini (pengeboman berani mati) sekiranya mereka tidak melihat jaminan untuk memiliki negara sendiri. Oleh itu kita mesti melakukan sesuatu mengenainya," kata beliau.

Beliau berkata Dr Mahathir dijangka menimbulkan isu ini dalam mesyuarat dua hala pada Isnin dengan Chirac dan Perdana Menteri Itali Minister Silvio Berlusconi.

Sementara sidang kemuncak itu dijangka dipenuhi dengan soal keselamatan berikutan serangan 11 Sept, ASEM bagaimanapun boleh menyediakan ruang untuk isu Palestin semasa perbincangan pemimpin Asia dan Eropah.

Syed Hamid berkata dalam membincangkan soal keganasan, perlu dikenal pasti puncanya dan antaranya ialah ketidakupayaan untuk menyelesaikan isu Palestin melalui pengunduran tentera Israel dan memberikan mereka negara yang lain.

Isu Palestin memerlukan resolusi politik dan menanganinya sama seperti ancaman keselamatan adalah tidak memadai, tambah beliau.

-- BERNAMA

MR RV HM